

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 3.11.2014 (ISNIN)

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah asas kewangan Bank Rakyat meluluskan pinjaman RM30 juta kepada seorang VIP yang bermasalah sebagaimana didedahkan bekas Pengerusinya Tan Sri Sabaruddin Chik. Mengapakah YB Menteri yang bertanggungjawab tidak mengambil tindakan saman malu sekiranya beliau tidak terlibat sepertimana yang didakwa.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Perkara yang dibangkitkan oleh YB Bagan sebenarnya bukan melibatkan satu kelulusan pinjaman yang baru, sebaliknya merupakan satu keputusan bagi menyelesaikan baki pinjaman yang diklasifikasikan sebagai *A Non Performing Loan*. Langkah-langkah yang telah diambil oleh Bank Rakyat, termasuk penstrukturan semula bayaran adalah bertujuan untuk mendapatkan semula sebanyak mungkin baki pinjaman yang tertunggak. Hal ini adalah suatu perkara yang biasa berlaku dalam industri perbankan, terutamanya apabila sesebuah bank ingin mengurangkan kos lepas akibat dari pinjaman yang mempunyai masalah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu yang dibangkitkan ini melibatkan satu transaksi perniagaan yang telah lama diluluskan, iaitu sebelum YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sekarang memikul jawatan. Oleh yang demikian, persoalan seperti yang didakwa tidak sepatutnya ditimbulkan.

Menyentuh persoalan mengenai tindakan saman, keputusan untuk menyaman atau tidak adalah terpulang kepada hak individu masing-masing.